

Bil. S 30

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH AKTA PERBADANAN TABUNG AMANAH ISLAM BRUNEI

(PINDAAN), 2003

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraihan (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (Pindaan), 2003.

Pindaan bab 30 dari Penggal 163.

2. Bab 30 dari Akta Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei adalah dipinda dengan memansuhkan ceraihan (2) dan menggantikannya dengan ceraihan baru yang berikut —

"(2) Akaun-akaun Perbadanan hendaklah diaudit pada tiap-tiap tahun oleh —

(a) Juruaudit Agung; atau

(b) mana-mana orang yang telah diberi kuasa bagi melaksanakan kewajipan-kewajipan yang dikehendaki oleh Akta Syarikat (Penggal 39) untuk dilaksanakan oleh seorang juruaudit, yang akan dilantik pada tiap-tiap tahun oleh Perbadanan dengan kebenaran Menteri yang bertanggungjawab bagi kewangan:

Dengan syarat bahawa jika akaun-akaun Perbadanan telah diaudit oleh seseorang yang dilantik di bawah perenggan (b), akaun-akaun itu boleh disahkan oleh Juruaudit Agung sebelum satu salinan penyata akaun-akaun itu dihantar menurut ceraihan (3) kepada Menteri yang bertanggungjawab bagi kewangan."

Diperbuat pada hari ini 21 haribulan Muharam, Tahun Hijrah 1424 bersamaan dengan 24 haribulan Mac, 2003 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM